



TEKS UCAPAN

**YANG AMAT BERHORMAT TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN
HAJI MD. YASSIN
PERDANA MENTERI**

SEMPENA

**PELANCARAN BULAN KEBANGSAAN DAN KIBAR JALUR
GEMILANG**

**PADA 7 OGOS 2021
(RAKAMAN AWAL PADA HARI KHAMIS 5 OGOS 2021 JAM 9.30
PAGI)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar
Menteri Besar Terengganu

Yang Berhormat Dato' Saifuddin Abdullah
Menteri Komunikasi Dan Multimedia
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan
Hari Malaysia 2021

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana dan Jemaah Menteri

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu

Seluruh Rakyat Malaysia yang saya kasihi sekalian

1. Apa khabar semua? Saya doakan saudara dan saudari berada dalam keadaan sihat walafiat.
2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhana Wa Taala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama menjayakan pelancaran kempen Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2021 pada hari yang berbahagia ini.
3. Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini masih mengekalkan tema yang sama seperti tahun lepas iaitu **Malaysia Prihatin**. Ini adalah seiring dengan iltizam dan aspirasi berterusan Kerajaan Perikatan Nasional dalam menyemai rasa cinta semua rakyat kepada negara, selain menyemarakkan semangat kebersamaan dalam

kalangan rakyat ketika kita masih memerangi pandemik COVID-19 semenjak lebih setahun yang lalu.

4. Saya sedar bahawa kita masih berada dalam tempoh yang agak mencabar susulan wabak COVID-19. Namun saya yakin bahawa saudara dan saudari mempunyai semangat cintakan negara yang tinggi, dan dapat mengambil iktibar dan aspirasi daripada kepentingan meraikan bulan bersejarah ini yang menyaksikan negara kita mencapai kemerdekaan. Kita telah dilahirkan di tanah air ini dan menjadi sebahagian warganegara yang bersumpah setia untuk mempertahankannya sehingga akhir hayat kita.
5. Semangat juang tinggi pemimpin dan nenek moyang kita dalam menuntut kemerdekaan negara, yang penuh ranjau dan berliku perlu dijadikan iktibar dan memberi inspirasi kepada kita semua. Kali ini, kita sedang berperang dengan musuh yang sukar dilihat dan lebih berbahaya. Saya berdoa agar saudara dan saudari akan terus cekal dan dikurniakan kekuatan dalam usaha kita untuk menamatkan wabak COVID-19 ini.

Saudara dan saudari yang saya kasihi sekalian,

6. Jalur Gemilang adalah lambang negara yang mampu membangkitkan semangat patriotisme dalam hati setiap rakyat Malaysia yang mencetuskan solidariti dalam mendepani apa jua cabaran yang mendatang. Saya berharap kita dapat bersama-sama menterjemahkan bentuk solidariti itu dengan mengibar megah Jalur Gemilang, sebagai tanda kita sentiasa bersatu-padu dalam melawan pandemik COVID-19 ini.

7. Saya juga yakin bahawa setelah 64 tahun negara menikmati kebebasan dan kemerdekaan, amalan mengibar Jalur Gemilang ini sentiasa dibudayakan dalam kehidupan seharian saudara dan saudari tanpa rasa malu dan janggal.
8. Saya berharap agar seluruh rakyat Malaysia, daripada penjawat awam di Kementerian dan Agensi, warga sektor swasta dan sesiapa juga akan menyahut seruan Kerajaan dengan mengibarkan Jalur Gemilang dengan penuh penuh rasa bangga, tertib dan rasa hormat.
9. Saya juga berharap agar saudara dan saudari mengibarkan Jalur Gemilang di kediaman ataupun kenderaan masing-masing. Marilah kita bersama-sama melakukannya demi menzahirkan rasa cinta terhadap negara, diiringi doa dan harapan agar negara akan segera pulih dari wabak COVID-19, dan kita dapat kembali kehidupan normal dan mengecapi kemakmuran bersama.
10. Saya percaya melalui semangat cintakan negara yang sentiasa diperteguhkan, kita akan dapat mengekalkan kehidupan yang harmoni, saling mengasihi dan bersatu hati dalam kalangan rakyat meskipun berlainan kaum, agama dan latarbelakang.
11. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini melancarkan program Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2021.
12. Sekian, Wabillahi al-taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh.